RAMAI CALON BEBAS DIDUGA BERTANDING



Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

Simbol2 untuk calon bebas

INILAH simbol-simbol calon bebas yang diluluskan untuk pilihanraya akan datang.

Pihak Suruhanjaya Pilihanraya menambah 10 lagi simbol baru untuk digunakan.

Simbol-simbol baru yang diluluskan ialah ayam jantan, gunting, kepala harimau, ikan, jam loceng, kasut, kerusi, payong, paip dan telefon.

Simbol lama untuk calon bebas yang akan diteruskan penggunaannya di pemilihan kali ini ialah anak kunci, bas, basikal, buku, lilin, kapalterbang, pokok kelapa sawit, locing, trektor dan wau.

Oleh RUHANIE HAJI AHMAD

KUALA LUMPUR, Rabu — MCA dan Gerakan dipercayai telah memberhentikan ura-uranya untuk bertanding atas simbol sendiri dalam pilihanraya umum akan datang.

Sumber-sumber Barisan Nasional memberitahu Berita Harian, MCA khususnya difahamkan mendapati konsep "bebas untuk semua" dan bertanding atas simbol sendiri akan hanya merugikan pihaknya.

MCA menyedari hakikat ini kerana sebilangan besar dari kerusi parlimennya sekarang adalah dalam kawasan majoriti pengundi Melayu.

Oleh itu, tegas sumber-sumber tersebut, sekiranya MCA terus mencabar Gerakan untuk bertanding di semua kawasan parlimennya sekarang atas simbol sendiri, peluang untuk MCA memenangi kerusi berkenaan adalah tipis.

Perkara ini jelas sekali kerana sekiranya MCA dan Gerakan bertanding atas simbol sendiri di kawasan yang majoritinya pengundi Melayu, maka tidak boleh dinafikan pula kemungkinan seorang calon bebas Melayu akan turut bertanding dan memenangi kerusi berkenaan.

Berikutan dengan keadaan ini, diduga jumlah calon bebas akan meningkat dalam pilihanraya umum akan datang.

Beberapa komponen Barisan Nasional di Semenanjung dan Sabah mungkin akan mengemukakan calon bebas masing-masing di kawasan yang diduga senang dimenangi.

Kemungkinan besar beberapa calon Gerakan akan ditentang oleh calon bebas dari keturunan Cina dan calon MCA yang cuba mengekalkan kerusinya ditentang oleh seorang bebas juga keturunan Cina.

Beberapa calon bebas juga dijangka menentang calon Berjaya ataupun USNO di Sabah.

Dalam konteks ini, tegas sumber-sumber tersebut, Barisan Nasional perlu memperketatkan etika tatatertibnya untuk sama-sama dipatuhi oleh segenap komponennya.

Bagaimanapun, UMNO sentiasa bersikap tegas terhadap sebarang anggotanya yang cuba bertanding atas tiket bebas menentang seorang calon dari UMNO atau komponen lainnya.

Sementara itu, Suruhanjaya Pilihanraya juga menjangka pertambahan jumlah calon bebas di pilihanraya akan datang.

Setiausahanya, Encik Abdul Rashid Haji Abdul Rahman menegaskan, pihaknya kini menambah jumlah simbol calon bebas dari 10 kepada 20.

Antara simbol-simbol baru yang telah diluluskan ialah ayam jantan, gunting, kepala harimau, ikan, jam loceng, kasut, kerusi, payung, paip dan telefon.

Simbol lama untuk calon bebas yang akan diteruskan penggunaannya di pemilihan kali ini ialah anak kunci, bas, basikal, buku, lilin, kapalterbang, pokok kelapa sawit, loceng, traktor dan wau.